

AMC Amerika akan bukukan ucapan Dr. Mahathir

11 Nov 1991

Oleh
Zulkafly Baharuddin

WASHINGTON D.C. 11 Nov. — Majlis Islam Amerika (AMC), sebuah badan yang menjaga kepentingan umat Islam Amerika Syarikat, akan membukukan ucapan Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York baru-baru ini tidak lama lagi.

Usaha AMC itu bertujuan memberitahu para pemimpin politik dan cendekiawan Amerika wujudnya seorang pemimpin Islam yang mampu mengutarakan pendapat khusus mengenai demokrasi dan hak asasi manusia, dua prinsip yang dianggap Barat sebagai haknya dan hanya tafsirannya yang tepat dan betul.

"Setiap mereka yang mempunyai pengaruh dalam arus politik di Amerika Syarikat perlu membaca ucapan Dr. Mahathir agar mereka tahu ada pemimpin (statesman) dari dunia Islam yang mampu memberi pandangan mengenai demokrasi dan hak asasi manusia dengan yakin," kata Pengarah Eksekutif majlis itu, Abdurahman Alamoudi kepada Utusan di sini hari ini.

"Ucapan Dr. Mahathir membantu kami dalam menyampaikan penerangan mengenai Islam dan dunia Islam kepada masyarakat Amerika," katanya.

AMC bercadang untuk mencetak 10,000 naskhah buku ucapan itu dan akan disebarkan kepada setiap anggota Dewan Senat dan Dewan Perwakilan Amerika Syarikat, anggota pentadbiran Bush dan

Presiden Bush sendiri, institut-institut knjian dan juga para cendekiawan di seluruh negara ini.

"Setiap mereka yang mempunyai pengaruh dalam menggubal dasar Amerika Syarikat akan menerima naskhah ucapan Dr. Mahathir," kata Abdurahman.

Ini merupakan usaha pertama AMC dalam membukukan ucapan seorang pemimpin Islam kerana sebelum ini tidak terdapat seorang pemimpin Islam yang boleh mengutarakan pandangan yang bernas mengenai isu-isu semasa yang menyentuh soal demokrasi dan hak asasi manusia.

Sebabnya, kata Abdurahman, ialah sebilangan besar dari mereka bukan merupakan pemimpin yang dipilih oleh rakyat, dan dengan demikian memberi peluang kepada Barat mengkritik dunia Islam sebagai pelanggar hak manusia dan tidak demokratik.

"Tetapi bila ada gerakan demokrasi di negara-negara Islam, Barat langsung tidak datang membantu malah 'buat tidak nampak' kepada tekanar yang diambil oleh kerajaan untuk mematahkan gerakan itu," kata Abdurahman.